

ZON WAKTU SOLAT DI SARAWAK

Pernahkah terlintas di fikiran kita, mengapa waktu solat setiap tempat berbeza?

Waktu solat sebenarnya dihitung di mana lokasi kita berada. Oleh yang demikian, waktu solat bagi setiap tempat adalah berbeza. Walau bagaimanapun untuk tujuan pengurusan takwim waktu solat yang efektif, waktu solat beberapa daerah yang berdekatan digabungkan menjadi satu zon waktu solat. Menurut Bahagian Hal Ehwal Agama Islam (1995) [kini Jabatan Kemajuan Islam Malaysia], zon dibahagikan mengikut pertimbangan perbezaan timur dan barat tidak melebihi 2 minit, pulau yang terpencil dan zon tanah tinggi. Untuk tujuan ini, lokasi hitungan adalah menggunakan tempat paling barat dalam zon berkenaan kecuali bagi waktu syuruk. Sebelum tahun 1995, waktu solat ditentukan merujuk kepada lokasi bandar utama di sesebuah negeri. Ketetapan zon waktu solat ketika itu tidak seragam kerana dasar penentuan lokasi hitungan waktu solat adalah di bawah bidang kuasa negeri. Ketidakteraturan tersebut menyebabkan bilangan keseluruhan zon waktu solat yang banyak. Awal tahun 1995, bilangan zon bagi seluruh Malaysia adalah 191. Kini bilangan zon telah berkurang kepada 59 zon waktu solat.

Sarawak merupakan negeri terbesar di Malaysia dengan geografi yang luas dan bentuk muka bumi yang pelbagai. Justeru, sistem zon digunakan bagi menyesuaikan pengiraan waktu solat dengan keluasan geografi negeri di samping memastikan ketepatan waktu masih berada dalam julat toleransi yang dibenarkan menurut kaedah falak. Pendekatan ini selari dengan kaedah takwim waktu solat moden yang mengimbangi antara ketepatan astronomi dan keperluan pentadbiran bagi kawasan yang mempunyai keluasan geografi yang signifikan seperti Sarawak.

Sejak tahun 2012 sehingga kini, Sarawak dibahagikan kepada sembilan (9) zon waktu solat. Bagi tujuan penyeragaman waktu solat dalam sesuatu zon, lokasi rujukan ditentukan berdasarkan titik paling barat dalam zon tersebut, manakala bagi waktu syuruk, rujukan diambil daripada titik paling timur bagi memastikan ketepatan waktu terbit matahari.

Pembahagian zon waktu solat membantu masyarakat Islam di Sarawak menunaikan solat tepat pada waktunya tanpa menjejaskan ketepatan waktu solat secara signifikan walaupun terdapat perbezaan geografi dalam zon yang luas. Sistem ini juga memudahkan Jabatan Mufti Sarawak (JMS) menyediakan jadual waktu solat rasmi yang konsisten, berautoriti dan menjadi rujukan masjid, surau, pejabat agama dan masyarakat. Ketepatan yang terkawal serta pengiraan berasaskan titik rujukan yang seragam dan ditentukan, JMS berjaya menyediakan jadual waktu solat yang relevan dengan keadaan geografi negeri.

Walau bagaimanapun, sebarang perubahan berkaitan pentadbiran di peringkat daerah atau bahagian tidak akan menjejaskan pembahagian zon waktu solat sedia ada kecuali melalui semakan dan pewartaan atau pengesahan rasmi oleh JMS. Sistem zon ini bukan sahaja memudahkan pelaksanaan ibadah solat, malah meningkatkan kefahaman masyarakat Islam terhadap kepentingan masa dan ketepatan waktu dalam kehidupan beragama.



جَابِتَر مُفْتِي سَرَاوَقْ
JABATAN MUFTI SARAWAK